



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

AHAD  
27 OKTOBER 2024



## Cuti kesihatan mental perlu dimasukkan dalam pindaan Akta Kerja 1955

**Kuala Lumpur:** Seorang pakar sumber manusia mencadangkan supaya cuti kesihatan mental mandatori atau cuti tekanan perlu dimasukkan dalam pindaan Akta Kerja 1955 yang akan datang, sama seperti peruntukan untuk cuti sakit.

Pengarah Urusan Perundingan Latihan Sumber Manusia Quantum Inno Creat Sdn Bhd (QIC) Dinesh Sekhar turut menekankan keperluan garis panduan yang jelas untuk menangani gangguan, atau keadaan di tempat kerja yang memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental pekerja.

Dalam cadangan perubahan kesihatan mental yang perlu dimasukkan ke tempat kerja hari ini, beliau berkata, kesihatan mental yang terdiri daripada perasaan psikologi kebimbangan pekerjaan, kemurungan dan tekanan harus ditangani secara positif oleh majikan dan pekerja.

“Landskap di tempat kerja hari ini melepasi era ketika isu kesihatan seperti itu pernah diabaikan atau ‘disapu di bawah karpet.’

“Mereka mesti menangani isu kesihatan yang

sebelum ini dianggap tabu dengan tegas dan berkesan, katanya dalam kenyataan yang memuji komen terbaharu Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Mohd Effendy Abdul Ghani, yang baru-baru ini menggesa perubahan dan pindaan tambahan terhadap Akta Kerja 1955 untuk memasukkan elemen kesihatan mental.

Dinesh yang menyambut baik cadangan berkenaan berkata ia hadir tepat pada masanya selepas perubahan drastik yang mengganggu tempat kerja selepas Covid-19.

Tambahan pula “Hari Kesihatan Mental Sedunia” disambut pada Oktober.

Beliau berkata, dalam kalangan golongan muda negara, kira-kira satu juta rakyat Malaysia atau 4.6 peratus daripada penduduk semasa berumur 15 tahun ke atas sedang mengalami kemurungan.

Malah, ia turut menjejaskan kanak-kanak iaitu 16.5 peratus daripada golongan berumur lima hingga 15 tahun mengalami masalah kesihatan mental.

“  
Mereka mesti  
menangani isu  
kesihatan yang  
sebelum ini  
dianggap tabu  
dengan tegas  
Dinesh

# Kesan positif gaji minimum baharu



PERSPEKTIF  
AHMED RAZMAN

Saya melihat peningkatan gaji minimum kepada RM1,700 bermula pertengahan tahun depan akan membawa beberapa implikasi.

Rakyat yang selama ini bekerja dengan gaji minimum RM1,500 akan mendapat lebih pendapatan yang lebih tinggi dan akan dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Kebimbangan pekerja asing akan membawa lebih banyak wang ringgit keluar negara apabila gaji minimum meningkat tidak berasas kerana kali ini pekerja asing akan dikenakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Jika caruman pekerja adalah 11 peratus, gaji bersih pekerja asing hanya meningkat dari RM1,500 ke RM1,513 sahaja dan selebihnya dicarum ke dalam KWSP yang akan membantu KWSP me-



*Kenaikan gaji minimum ini juga diharapkan menggalakkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk beralih kepada pendigitalan dan automasi."*

ningkatkan pelaburannya.

Kenaikan gaji minimum ini juga diharapkan akan menggalakkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk beralih kepada pendigitalan dan automasi.

Ia bertujuan untuk kos operasi dapat dikurangkan seperti mengurangkan pengambilan pekerja asing dan kecekapan ditingkatkan yang membawa kepada peningkatan pendapatan, sekali gus membantu PMKS untuk membayar gaji pekerjanya dengan lebih tinggi lagi.

Pendigitalan dan automasi juga akan menarik lebih ramai rakyat tempatan untuk bekerja di PMKS terutamanya yang mempunyai kemahiran tinggi dan se-



Rakyat yang mendapat lebih pendapatan akan dapat menikmati kualiti hidup lebih baik.  
- Gambar hiasan

derhana dalam mengendalikan operasi perniagaan melibatkan pendigitalan dan automasi.

Sementara itu, berkenaan isu harga barang akan naik apabila gaji minimum dinaikkan, saya tidak melihat ianya akan berlaku dengan ketara.

Para pengguna sentiasa mempunyai pilihan untuk membeli barangan dan perkhidmatan dari mana-mana peniaga yang menawarkan harga yang lebih kompetitif melalui aplikasi *Price Catcher*.

Selain daripada itu, kita juga ada Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan yang akan menghukum para peniaga

yang menaikkan harga sesuka hati mereka.

Pengguna mempunyai banyak platform untuk mengadu jika ada para peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga dengan tinggi.

Selain daripada itu, kerajaan kekal komited untuk mengekalkan harga barangan asas dan perkhidmatan melalui kaedah kawalan harga yang dilaksanakan sekarang.

- Profesor Madya Dr Ahmed Razman adalah Pengarah Program Sarjana Pentadbiran Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM).



## Kelantan bantah carum PERKESO sebagai syarat lesen niaga

**PASIR MAS** - Kerajaan negeri tidak bersetuju jika caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) diwajibkan sebagai satu syarat mendapatkan lesen penjaja.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Hilmi Abdullah berkata, ia tidak adil kerana ada dalam kalangan peniaga mempunyai insurans perlindungan.

“Caruman ini tidak boleh menjadi syarat lesen kerana peniaga ada pilihan dan penentuan pendapatan mereka sendiri,” katanya selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 Peringkat Negeri Kelantan pada Sabtu.

Bagaimanapun, Hilmi berkata, kerajaan negeri menggalakkan semua penjaja mempunyai skim perlindungan kerana terdedah risiko dan kematian.

“Bayaran dikenakan juga tidak mahal dan percaya semua penjaja mampu membayarnya untuk manfaat pada masa depan,” katanya.

Sebelum ini media melaporkan PERKESO akan berbincang bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya penjaja mencarum SKSPS sebagai syarat wajib mendapatkan lesen penjaja bermula tahun depan.

Perkeso kini sedang mengenal pasti jumlah keseluruhan penjaja supaya keselamatan mereka lebih dilindungi kerana sentiasa terdedah kepada risiko, keilatan atau kematian.



**M**EMBAN-DINGKAN zaman dulu ketimbang zaman sekarang memang jauh berbeza. Kita kena hadam dengan keadaan sekarang. Pemikiran orang sekarang berlainan dengan dulu dan cara bekerja pun kena berubah. - Selalunya kita dengar kata-kata yang begini lah. Kerajaan cakap begitu. Majikan pun mengingatkan perkara sama.

Kita kena berubah mengikut masa. Ada masa kita bekerja dalam tekanan dan ada masa fleksibel. Cara bertindak dan menangani masalah pun kena mengikut pendekatan terkini.

Tetapi itulah, bila masuk bab gaji yang lebih kurang sama saja kadar upahnya dengan 20 tahun dulu, susah pula hendak buat perubahan dan penambahbaikan.

Daripada gaji minimum RM900 di Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah/Sarawak hinggalah RM1,500 sekarang dan RM1,700 mulai Februari tahun depan, banyak majikan mengeluh 'peningkatan' itu memang betul-betul 'pening'.

Tetapi pada masa sama tidak mahu menyedari kita hidup di zaman serba mahal terutama tinggal di bandar. Gaji RM2,500 ke bawah sudah dikira miskin, tak kira miskin bandar atau miskin tegar, pokoknya miskin lah.

Dulu gaji RM2,000 sudah dikira lumayan. Boleh beli kereta dan menyewa di kawasan selesa. Menyewa di Bangsar, Kuala Lumpur misalnya. Bilik boleh disewa RM150 hingga RM250.

Sekarang bilik sewa di bandar pun sampai RM600 hingga RM1,000. Itu belum masuk kos ke tempat kerja, makan dan bil utiliti.

Mahu beli rumah? Harga rumah semuanya bernilai RM350,00 ke atas. Dekat bandar, jangan haraplah, apartmen kecil pun harga lebih setengah juta ringgit.

Ramai orang miskin 'berlegar-legar' di sekeliling kita. Jadi, bagaimana mahu menamatkan kemiskinan itu?

Inisiatif gaji Minimum Kebangsaan diumumkan oleh Perdana Menteri dalam Pembentangan Bajet pada 15 Oktober 2010. Ia adalah salah satu instrumen dasar melalui Model Baru Ekonomi (MBE) bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi yang terangkum dan mampan menjelang tahun 2020.

Dasar ini bertujuan memastikan pekerja dapat memenuhi keperluan asas dan menyediakan suasana sesuai untuk industri dalam meningkatkan nilai rantaian

# Gaji zaman dulu ketimbang gaji sekarang, banyak beza?



**BENARKAH** gaji pekerja yang mempunyai ijazah di negara ini ada yang lebih rendah daripada pekerja asing?



fauziah.arof@mediamula.com.my

pengeluaran mereka.

Gaji minimum mengikut Akta 732 adalah gaji pokok, tidak termasuk apa-apa elaun atau bayaran lain.

Pun begitu, saya berpandangan adalah lebih baik kerajaan menetapkan agar sektor swasta juga perlu ada tangga gaji tertentu mengikut kelayakan akademik iaitu dari peringkat sijil hinggalah ijazah.

Ini adalah lebih baik berbanding mengenakan gaji minimum. Sebab ada setengah majikan, pukul rata saja pekerja baru diberikan tamat pengajian walaupun punya ijazah.

Seorang pensyarah di Universiti Malaya, baru-baru ini berbalut dengan saya, dia rasa 'lethit' bila melihat pelajarinya apabila sudah tamat pengajian dapat kerja tetapi dibayar bawah RM2,000.

"Belajar bertahun-tahun, duit ibu bapa habiskan



**Belajar bertahun-tahun, duit ibu bapa habiskan berpuh ribu ringgit. Keluar dari universiti gaji RM1,600 atau paling tinggi RM2,000. Sama saja dengan yang ada sijil SPM dan ada yang lebih rendah daripada pekerja asing."**

berpuh ribu ringgit. Keluar dari universiti gaji RM1,600 atau paling tinggi RM2,000. Sama saja dengan yang ada sijil SPM dan ada yang lebih rendah daripada pekerja asing," katanya.

Tambahnya, tiada beza atau tiada beza besar antara pekerja ada ijazah dengan yang masuk dengan SPM. Ada beza pun dalam RM100 atau

RM200 saja.

Universiti tidak sepatutnya, mengeluarkan 'tenaga kerja miskin bandar'. Pendidikan sepatutnya menjadi 'alat' banteras kemiskinan.

Menurutnya, sistem pendidikan kita sudah cantik dan kerajaan sentiasa mencari mekanisme untuk terus memperbaikinya, tetapi ia dirosakkan dengan sistem gaji hentam kromo yang mengikut kehendak majikan bukan tuntutan pasaran kerja semasa atau gaji setimpal.

Sebab itu, katanya, dia juga bersetuju satu tangga gaji tertentu patut ditetapkan oleh kerajaan untuk pekerja swasta daripada peringkat sijil hingga ijazah.

Baru-baru ini, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong mengingatkan majikan supaya tidak menjadikan kadar gaji minimum baharu RM1,700 sebagai gaji permulaan untuk semua pekerja, termasuk siswazah. Kadar ini adalah untuk pekerja asas dengan kelayakan akademik dan kemahiran rendah.

Tegasnya, majikan perlu mematuhi arahan penyelaras gaji dan memberi gaji setimpal berdasarkan kemahiran dan kelulusan akademik pekerja

untuk mengelakkan aliran keluar bakat.

"Saranan pemberian gaji selaras dengan kelayakan akademik, peranan kerja dan kemahiran ini adalah untuk kebaikan syarikat juga sebab kalau tak diberi gaji setimpal, akan berlaku kes seperti aliran keluar bakat kita dan sebagainya. Majikan juga tidak dapat bakat dan tenaga kerja yang baik," katanya.

Tentunya, tenaga kerja yang asyik keluar masuk dalam syarikat kerana upah yang tidak setimpal, merugikan kerana terpaksa melatih pekerja baru dan bila sudah mahir lari lagi ke tempat lain. Akhirnya jadi sebagai 'tempat latihan' saja bukan lokasi kerja tetap.

Pun begitu, ada juga kebimbangan disebabkan kenaikan kos operasi akibat kenaikan gaji minimum, akan berlakunya kenaikan perkhidmatan dan seterusnya harga barangan.

Sebab itu apabila buka cerita pasal gaji, ia satu isu yang tak habis-habis diperkatakan. Naik ada masalah, tak naik lagi lah bermasalah. Sebabnya, bila gaji naik, peniaga pula pakat-pakat naikan harga barangan.

Bermula Disember ini penjawat awam akan menerima kenaikan gaji sebanyak 15 peratus dengan dua fasa. Tetapi itulah, kalau peniaga buat hal, naikan harga barang, pekerja swasta terutamanya kategori miskin bandar yang tidak naik gaji ini pun terpalit sama.

Jadi kerajaan perlu bertegas, menggunakan undang-undang mengawal kenaikan harga barang dan pada masa sama memastikan majikan perlu patuh perintah gaji maksimum.

Kalau majikan asyik rasa terbeban, cuba pula jadi pekerja dengan gaji di bawah RM2,000. Sama dan perit tak bebanannya itu? Sementara itu, pekerja juga harus menunjukkan dedikasi yang tinggi terhadap kerja, jangan banyak cuti keceemasan dan jangan bodek lebih, kerja kurang tetapi sibuk minta naik gaji. Kita kena ada situasi 'menang-menang' antara majikan dan pekerja. Baru ada harmoni.

PENULIS ialah Pengarang Berita Kanan Minggu Malaysia



# Mohon lesen: Penjaja di Kelantan diwajibkan carum Perkeso

**TUMPAT:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kelantan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mewajibkan penjaja mencarum Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) sekiranya mahu memohon lesen perniagaan.

Pengarahnya, Nora Yaakob berkata, perbincangan berhubung perkara itu sudah dijalankan dan Perkeso Kelantan sedang mengenal pasti jumlah penjaja di negeri ini.

Menurutnya, Perkeso meletakkan syarat wajib supaya penjaja dilindungi jika berlaku kemalangan di tempat kerja.

“Jika mahu lesen PBT, penjaja wajib mencarum SKSPS dan kita sedang mengenal pasti penjaja di negeri ini untuk diberi penerangan.

“Caruman serendah RM23.30 setahun, memanfaatkan peluang disediakan kerajaan yang membiayai caruman sebanyak 90 peratus iaitu RM209.50 setahun menerusi SKSPS,” katanya kepada pemberita selepas Program



**Jika mahu lesen PBT, penjaja wajib mencarum SKSPS dan kita sedang mengenal pasti penjaja di negeri ini untuk diberi penerangan.”**

Jalinan Mesra Perkeso Bersama Media Kelantan di Pulau Sri Tanjung di sini semalam.

Nora memberitahu, setakat ini seramai 10,300 orang yang bekerja sendiri sudah mencarum Perkeso daripada jumlah keseluruhan 170,000.

“Kita mahu semua orang yang bekerja sendiri di negeri ini mencarum SKSPS,” ujarnya.

Nora berkata, setiap tahun Perkeso menasaskan kira-kira 10,000 orang yang bekerja sendiri mencarum SKSPS.



<b>Akhbar</b>	<b>Berita Harian</b>
<b>Tarikh</b>	<b>27 Oktober 2024</b>
<b>Ruang</b>	<b>Nasional</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>2</b>



## 'Masukkan cuti tekanan psikologi dalam Akta Kerja 1955'

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disaran memasukkan cuti kesihatan mental mandatori atau cuti tekanan dalam pindaan Akta Kerja 1955 yang akan datang, sama seperti peruntukan untuk cuti sakit.

Cadangan dikemukakan pakar sumber manusia dengan bujah kesihatan mental terdiri daripada perasaan psikologi kebingungan pekerjaan, kemurungan dan tekanan harus ditangani secara positif oleh majikan dan pekerja.

Pengarah Urusan Perundingan Latihan Sumber Manusia Quantum Inno Creat Sdn Bhd (QIC), Dinesh Sekhar turut menekankan keperluan garis pan-

duan jelas untuk menangani gangguan atau keadaan di tempat kerja yang memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental pekerja.

"Landskap di tempat kerja hari ini telah melepasi era ketika isu kesihatan seperti itu pernah diabaikan atau 'disapu ke bawah karpit'. Mesti tangani dengan tegas dan berkesan isu kesihatan yang sebelum ini dianggap tabu," katanya.

Beliau bersetuju dengan pandangan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, yang baru-baru ini menggesa perubahan dan pindaan tambahan

terhadap Akta Kerja 1955 dengan memasukkan elemen kesihatan mental.

Menyambut baik cadangan pimpinan MTUC itu, katanya, ia hadir tepat pada masanya selepas tempat kerja berdepan gangguan dan melalui perubahan drastik selepas COVID-19.

Menurut Dinesh, dalam kalangan golongan muda negara, kira-kira satu juta rakyat Malaysia atau 4.6 peratus daripada penduduk semasa berumur 15 tahun dan ke atas mengalami kemurungan.

Malah, katanya, ia turut menjejaskan kanak-kanak, iaitu 16.5 peratus daripada golongan be-

rumur lima hingga 15 tahun mengalami masalah kesihatan mental.

"Apabila dunia perniagaan Malaysia bertambah baik, semakin ramai orang kembali bekerja secara fizikal dan tuntutan di tempat kerja menjadi lebih agresif."

"Oleh itu, perubahan pada Akta Kerja 1955 menangani isu mental dan psikologi yang berkembang dengan penuh cabaran di tempat kerja hari ini, melalui pendekatan yang jujur dan positif," katanya.

Dinesh mengingatkan majikan supaya lebih peka, berwaspada dan bertanggungjawab ter-

hadap keadaan fizikal serta psikologi setiap pekerja dengan menggunakan pendekatan yang berperikemanusiaan.

Beliau berkata, teknologi dan aplikasi moden yang bertujuan menjadikan kehidupan lebih teratur dan mudah, sebaliknya meningkatkan trauma emosi dan psikologi pada kadar luar biasa.

"Apabila otak sentiasa didorong ke tahap maksimum sehingga menyebabkan gejala seperti tekanan, ia akan berjangkit kepada setiap aktiviti lain dan apabila menjadi tidak bertanggung, ia membawa kepada kemurungan," katanya.

BERNAMA



## Scaffolding solutions to elevate construction safety

By **BENJAMIN LEE**  
benkh@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Advanced scaffolding solutions will be increasingly important as construction sites grapple with tighter occupational safety and health regulations.

One of the solutions is from China-based Wenma Forming & Shoring Co Ltd, which has brought its over decade-long expertise to Malaysia with the goal of building a safe, healthy and environmentally-friendly working environment for the industry.

Through its local subsidiary Wenma Scaffolding Solutions and Services (M) Sdn Bhd, Wenma chairman Howard Hui Liu (*pic*) said he hopes to cultivate a culture of balancing safety and cost-effectiveness.

"Falling from heights is a significant risk faced by scaffolders every day, and account for almost half of fatal accidents in the construction sector.

"This is because a large number

of construction sites in Malaysia are still using very traditional methods to build scaffolds.

"Combined with increasingly advanced projects with more complex design requirements, this will put workers at greater safety risk," he said in a presentation at the Future Cities Summit in Kuala Lumpur on Tuesday.

Hui attributed this increased risk to the common contractor's preference for cheap scaffolding and safety products to reduce costs, even though scaffolding works usually only make up a small portion of total project costs.

"We hope to help local contractors understand that achieving ultimate value is never just about using cheap scaffolding products.

"We know that contractors look for low-priced, on-site assembled, customised, temporary modular scaffolding structures made from standard components, as well as



the ability to rapidly erect and dismantle scaffolding.

"This is why we put significant attention to the four major areas of components, engineering, equipment and construction as contractors should too," he said.

On components, Hui said Wenma uses a systematic design with simple and fewer modular components to form complex structures to meet the specific needs of clients from different industries.

He added that Wenma's equipment supply chain starts from material purchase, manufacturing and quality control, on time logistics service to every project, with these handled entirely by one team.

"Wenma also provides solutions to take care of any construction headaches by providing our engineers as well as health, safety and environment (HSE) specialists on site to render assistance.

"This follows our philosophy of turning any sort of site hazard to safety, creating profit not just for the company but also value for society as a whole," he said.

Through their efforts since the company's founding in 2011, Hui said Wenma has helped change the construction industry in China to become safer and more efficient, and he hopes to do the same in Malaysia.

Among Wenma's efforts is bringing together its clients' builders, engineers and contractors to discuss how to build efficiently and safely.

Contractors are also taught to adopt a seven-step toolbox meeting every day, during which workers' method and risk assessment were conducted every day before work begins.

This includes the inspection of personal protective equipment such as safety harnesses, which exhibit wear and tear with use.

To this, Hui said Wenma set up the International Standard Training Centre in China, which

### Editor's pick



The right strategy  
> StarEdu

has been accredited by the United Kingdom's Construction Industry Scaffolders Record Scheme (CISRS), the preferred scaffolding qualification of some of the largest scaffold systems manufacturers worldwide.

"We believe scaffolding is not just a kind of intensive work, but about achieving efficiency, a way of life, and preserving the dignity and safety of those involved in construction projects," he added.



STARBU, SUNDAY 27 OCTOBER 2024

Cover story 5

A COMPREHENSIVE strategy that fosters partnerships among government agencies, higher education institutions and industry stakeholders must be developed to effectively implement the Budget 2025 initiatives.

This, said Vice-Chancellors' Council for Private Universities (VCCPU) chairman Prof Mushtak Al-Atabi, could include establishing a dedicated task force to oversee fund allocation and distribution, creating mentorship programmes that connect students with industry professionals, and facilitating internships that offer hands-on experience in science, technology, engineering and mathematics (STEM) fields.

"Integrating artificial intelligence (AI) and robotics into the curriculum at various educational levels, along with providing training for educators, will ensure that students are well-equipped with the skills they need."

"Regular assessments and feedback loops will help refine these programmes, ensuring they remain relevant and impactful in meeting Malaysia's technological and economic aspirations," he said, adding that the National Higher Education Fund Corporation (NHEFC) allocation targeting STEM is a significant step towards widening access to education.

This initiative aims to promote STEM adoption among students, recognising that a focus on these areas will drive economic growth through technological advancements, ultimately yielding substantial economic benefits, he asserted.

He, however, stressed that in the long run, the government must look into more sustainable solutions to enhance students' interest in the STEM fields.

"For example, creating partnerships between schools and technicians such as Google and Microsoft to provide students with mentorships and exposure to real-world STEM careers," he said.

Welcoming the increase in PPTN allocation and the National Education Savings Scheme (NESP) tax relief, National Association of Private Educational Institutions (Napei) president

# Training tomorrow's talents

Holistic strategy needed to drive Budget 2025, with focus on equipping students with AI, STEM and TVET skills



Assoc Prof Elajsolan Mohan said this would see more students enrolling at private institutions of higher education (IPTS).

"Fostering collaboration with industries was also a priority focus aspect highlighted in the allocations set aside for technical and vocational education and training (TVET)," he added.

## TVET

Dr Goh Lim Thye from the Universiti Malaysia (UM) Economics Department said as Malaysia transitions to a knowledge-based economy, there is a growing need for a workforce equipped with the technical skills required by industries such as digital technology, engineering, and automation.

"This TVET allocation will prepare more than 200,000 students annually, addressing skill gaps and ensuring that Malaysia remains competitive in an increasingly digital global economy," he said, adding that these education reforms will enhance labour productivity, improve employment prospects for youth, and ensure Malaysia's ability to adapt to the evolving demands of global markets.

"By investing in human capital now, the government is safeguarding the future of Malaysia's workforce, ensuring that it can drive innovation and support sustainable economic growth," he said in a statement.

The RM7.5bil allocation for TVET, said TalentCorp, is evidence of the government's commitment to workforce readiness, with a focus on key sectors such as

maintenance, repair and overhaul, electric vehicles, aerospace and AI to prepare Malaysians for the evolving landscape of emerging industries and economic demands.

"By equipping the workforce with specialised skills, the government aims to future-proof Malaysia's talent pool and strengthen its competitiveness in high-value industries," the national agency under the Human Resources Ministry said, adding that a prominent measure in Budget 2025 was the extension of the National Structured Internship Programme (MySIP) until 2030, now also incorporating students interning in regulatory bodies.

This expansion aims to provide young talents with critical hands-on experience, enhancing their employability and ensuring a stronger alignment between education and industry requirements, it said.

The focus on expanding internship opportunities reflects a broader strategy to bridge the gap between academia and the professional world, it added.

Another key initiative that supports this strategy is the Internship Matching Grant for SMEs and Start-ups (LIKES), it highlighted.

"Launched in March 2024, LIKES has received an additional RM10mil to support quality internships, particularly in STEM fields."

"By early October 2024, over 774 companies had registered under LIKES, hiring 6,000 interns across Malaysia."

"This funding aims to empower SMEs and start-ups, especially those outside major urban areas, providing them with the resources to nurture young talent and drive innovation," said TalentCorp.

**RM4bil:** Scholarships, loans & allowances

**RM500mil:** PPTPN funding, specifically STEM students

At least **50%** of GLICs & GLCs scholars from low and middle-income families

Free Amanah Saham Bumiputra account for **100,000** new students

**RM635mil:** Upgrade infrastructure, replace equipment & expand IPTA Internet access

**RM170mil:** Science Endowment matching grants for private entities & industries

Government to cover **50%** of the tuition fees/ a max of **RM15,000** under the APEL Q Programme for public servants

**RM50mil:** AI funding for research universities to focus on the medical field (UM), cybersecurity (Universiti Putra Malaysia) semiconductors (USM); and Malay language (Universiti Kebangsaan Malaysia).

**RM600mil:** R&D Extension of individual tax relief on SSPN savings

Ikhtiar Geran Padanan Ihsan (GAPAI) matching grant criteria expanded to up to **RM5,000** for savings in the Simpan SSPN accounts of students of families earning up to RM6,000

Highlights of the **RM18bil** allocation for the higher education sector

**RM20mil:** For Universiti Teknologi Mara (UTM) to produce more electrical and electronics engineers

- Financial support for **15,000** underprivileged youths, including secondary school students, undergraduates, and job seekers, to obtain their motorcycle licenses
- Flight ticket assistance for **60,000** underprivileged students from Sabah and Sarawak, to return to their hometowns

- Increased living allowance of **RM530** per month for student teachers in the Bachelor of Education Programme at the Institute of Teacher Education (IPG)
- **Free airfare** to all university, polytechnic, community college and matriculation students nationwide who use the BAS.MY service
- Internship Matching Grant of **RM10mil** for SMEs and Start-ups (LIKES)

## Highlights of the RM7.5bil for TVET

The government is increasing the TVET education per capita grant (PCG) rate by 15%, bringing the total PCG allocation to over **RM900mil**.

A **RM50mil** grant has been set aside to encourage more industries to participate in the public skills training institutions (ILKA) Adopted Child Programme.

Employers hiring persons with disabilities (OKU) or ex-convicts will be eligible for a monthly incentive of **RM600** for three months, managed by Perkeso.

**RM1.2bil** was set aside for vocational colleges and technical secondary schools, which will continue to provide education to 77,000 students.

GiattMARA and community colleges will receive **RM55mil** over five years to equip 10,000 huffaz students from tahfiz and pondok institutions with skills training.

A double deduction on expenses for companies implementing MySIP under TalentCorp, extending it to students in structured training conducted by industry regulatory bodies, until the 2030 tax year.

Perkeso will build an advanced rehabilitation centre in Terengganu, costing nearly **RM600mil**, offering comprehensive services, from rehabilitation to return-to-work programmes, strengthening efforts to create a more resilient and inclusive workforce.

**RM100mil:** The Madani Adopted Village Programme where TVET institutions will provide services like home repairs and electrical wiring.

Employers can use up to **50%** of their HRD Corp funds to cover the cost of skill training facilities.

**RM200mil:** Khazanah Youth Development Programme to prepare 11,000 local talents.

GLCs to lead new skill training programmes for their respective industries.

**RM500mil:** For Skills Development Fund Corporation trainees.

**RM3bil:** HRD Corp training.

Companies to receive tax deductions for new equipment and machinery donated to registered ILKA, polytechnics, or vocational colleges until 2027.

Levy for employers to cover up to **RM1,000** of graduate allowances.

GiattMARA short-term training for **gig workers**.

The Star graphics

## Aye to AI

UM will focus on innovative AI research approaches to deliver effective treatment to as many patients as possible in the shortest time.

UM vice-chancellor Prof Datuk Seri Dr Noor Azuan Abu Osman

The strategic investments outlined in Budget 2025 will enhance the capabilities of our higher education institutions and establish a robust foundation for a resilient, innovative economy, positioning Malaysia as a leader in the global AI landscape.

VCCPU chairman Prof Mushtak Al-Atabi

A research ecosystem that applies AI in the semiconductor sector has been established at Universiti Sains Malaysia (USM) through its Centres of Excellence. Our work focuses on integrated chip design and AI implementation in innovation of Electronic Design Automation (EDA) tools, among other areas.

USM Collaborative Microelectronic Design Excellence Centre director Assoc Prof Dr Asrulnizam Abd Manaf

While there is great emphasis on AI, technology and STEM education, little was announced for IPTS. However, the AI allocation for public institutions of higher learning (IPTA) is a good start. IPTS should engage with IPTA to benefit from the funding.

Napei president Assoc Prof Elajsolan Mohan